

**Raja Muda Harap Tentera Semai Semangat Kompetitif Dan Kreatif
Bernama
1 Ogos, 2012**

KANGAR, 1 Ogos (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berharap para pegawai dan anggota tentera menyemai semangat kompetitif dan kreatif untuk membina kejayaan dalam kerjaya.

Menurut baginda mereka juga perlu menambah baik setiap aspek termasuk dalam bidang komunikasi kerana bidang berkenaan juga penting dalam perkhidmatan ketenteraan.

Bertitah pada majlis berbuka puasa bersama para pegawai dan anggota batalion ke-9 Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Para di kem Pulau Berhala, Sandakan, Sabah malam tadi, baginda yakin semangat kompetitif dan kreatif itu bukan sahaja dapat membina kejayaan tetapi berupaya mencipta perubahan.

"Pada masa ini ancaman sukar diramal ditambah dengan teknologi yang sentiasa bergerak pantas. Ini memerlukan pemikiran kreatif untuk merencana pelan tindakan," titah baginda yang juga Komander Regien 504 Askar Wataniah dalam siaran media pada Rabu.

Tuanku Syed Faizuddin kini berada di Sabah sejak Ahad, mengetuai delegasi kerajaan negeri Perlis melawat kawasan Ops Pasir selama empat hari di perairan Sabah termasuk Pulau Berhala.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684689>

